

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



Dasar pertahanan negara

Latihan AMFIBI tahun 1983

"Kemerdekaan tidak mempunyai makna jika rakyat tidak dihormati dan bukan kekayaan negara yang memberi makna kepada kemerdekaan tetapi maruah dan kehormatan yang ditunjukkan kepada bangsa dan negara. Kemerdekaan bukan semata-mata bererti pembebasan dari pemerintah penjajah tetapi yang utama ialah semangat, dorongan dan tindakan untuk mengisi dan membawa kemuliaan, kesejahteraan dan kebahagiaan kepada bangsa dan negara." **Utusan Malaysia, 24 Ogos 1985**

Oleh: Lt Kol (B) Ab Aziz Ahmad, Mej Zulkifli Dato' Hj Tahir

Kedudukan Malaysia yang bersempadan dengan negara-negara jiran yang lain mengakibatkan negara kita terdedah dengan pergolakan politik yang berlaku. Walaupun tidak diancam oleh mana-mana pihak secara langsung (*direct*), kejatuhan Vietnam pada tahun 1975 yang tidak diramalkan oleh para pemikir strategi sedikit sebanyak mempengaruhi kestabilan geo-strategik serantau. Kemungkinan ia akan merebak dan memudaratkan negara-negara lain tidak dinafikan. Di atas kesedaran ini dan agar negara bersedia menghadapi sebarang kemungkinan, kerajaan di bawah pimpinan Dato Seri Dr Mahathir Mohamad telah meluluskan pelaksanaan Rancangan PERISTA yang melibatkan TD khususnya dan ATM amnya.

Dalam tempoh 1981-1985 sebagai contoh, pembesaran dan pemodenan angkatan tentera telah dilaksanakan dengan pesatnya dan keupayaan pasukan darat khususnya telah dipertingkatkan, dengan penekanan kepada peningkatan keupayaan bertempur dan khidmat sokongan melalui pembelian kelengkapan dan senjata-senjata baru bagi

menghadapi sebarang ancaman terhadap keselamatan dan kedaulatan negara.

Pada masa yang sama, bagi menandingi ancaman kemasukan pelarian-pelarian Vietnam Pasukan Petugas Ke-7 diwujudkan. Yang jelas, pemodenan dan pembesaran pasukan keselamatan merupakan inisiatif Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, kerana pada beliau **'ATM merupakan tulang belakang pertahanan negara dan memainkan peranan penting di dalam**

menjamin keamanan dan kestabilan negara dan membolehkan negara menjadi maju dan makmur'. Jika aktiviti-aktiviti PKK/PPKKU tidak dibentasi, kemungkinan besar negara tidak akan berupaya melaksanakan pembangunan (dan menarik minat pelabur-pelabur asing).

Selain daripada membangunkan ekonomi negara bersesuaian dengan Rancangan Pembangunan Negara yang ditetapkan, pembangunan bagi pasukan keselamatan juga perlu

seiring agar setiap rancangan membangunkan ekonomi negara dapat dilaksanakan.

Dasar Pertahanan Negara Yang dilaksanakan

Kejayaan negara kita menghadapi segala ancaman yang timbul adalah hasil dari pelaksanaan dasar pertahanan yang dinamik yang mengambil kira perubahan persekitaran dan geo-politik yang kita alami sejak kemerdekaan.

Ini jelas dari perubahan dasar dan strategi yang dilalui oleh ATM itu sendiri. Dari sebuah pasukan *counter-insurgency* yang banyak bergantung kepada bantuan luar di bawah *Anglo-Malaya Defence Agreement*, dasar pertahanan kita telah berkisar kepada *self-reliance* sebaik sahaja Kerajaan British mengumumkan *East of Suez Policy* pada tahun 1970, sungguhpun bantuan dari negara Komanwel masih diperolehi di bawah *Five Power Defence Arrangement (FPDA)* Selanjutnya negara kita memelopori konsep ZOPFAN dan kerjasama pertahanan dua hala dengan negara-negara ASEAN apabila keadaan jelas menunjukkan bahawa persaingan kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara berpotensi menarik negara-negara ini ke dalam kancang persengketaan. Untuk memahami dasar pertahanan negara, kita perlu tahu evolusi dasar luar negara yang diamalkan di negara ini.

Jelas setelah 46 tahun merdeka, dasar luar negara kita telah melalui proses evolusi yang dinamik yang memaparkan keadaan dan keperluan semasa,



PM bersama Menteri Pertahanan semasa DSA 1992

juga corak pemerintahan Perdana Menteri pada masa itu. Di bawah Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Kerajaan mengamalkan dasar luar yang pro-Barat, anti-komunis, anti-Israel, dan anti-apartheid.

Tahun-tahun awal kemerdekaan juga melihatkan negara menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), *Five Power Defence Arrangements* (FPDA) dan Komanwel. Malaysia juga merupakan salah sebuah negara pengasas Pertubuhan Asia Tenggara (ASA) pada tahun 1961 sebelum terbentuknya ASEAN pada tahun 1967.

Di bawah Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak, Malaysia mula memberi penekanan kepada dasar *non-aligned* dan telah menjadi ahli Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) pada tahun 1970.

Sikap terbaik-baik dengan semua negara diamalkan tanpa



Pasukan elit negara semasa latihan 2003

kalangan negara-negara rantau Asia Tenggara dipertingkatkan.

Selama 22 tahun di bawah pucuk pimpinan Dato Seri Dr Mahathir Mohamad pula, Malaysia lebih berkeyakinan dan bersikap pragmatik. Kita mula mengambil kira faktor-faktor yang mempengaruhi iklim politik, keselamatan serta pembangunan sosial dan

Kepentingan-kepentingan strategik negara

Kawasan kepentingan strategik negara dapat dilihat dari tiga lapisan iaitu kawasan terdekat, serantau dan global. Malaysia melihat sebarang perkembangan di rantau ini akan turut memberi kesan kepada keselamatan dan pembangunan negara.

Ini adalah kerana Malaysia berkongsi sempadan darat atau laut atau kedua-duanya dengan hampir setiap negara anggota ASEAN. Oleh itu, sebarang gangguan kepada keselamatan rantau ini, sama ada berbentuk konflik dalam rantau atau luaran rantau akan memberi kesan ke atas keselamatan negara terhadap mewujudkan hubungan kerjasama pertahanan dua hala di kalangan negara-negara ASEAN.

Bagi melengkapkan usaha-usaha kerjasama serantau, Malaysia juga menyedari perlunya untuk mendapat bantuan luar dari negara-negara luar rantau yang meliputi

sokongan moral dan fizikal, kemudahan-kemudahan latihan, pemindahan teknologi dan bekalan peralatan. Justeru, negara telah mengambil langkah menjalinkan dan meningkatkan hubungan pertahanan dengan negara luar rantau.

Konsep Pertahanan

Komitmen tegas negara terhadap Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu memerlukan negara berpegang teguh kepada pendirian pertahanan bercorak defensif. Justeru, dasar pertahanan telah menggubal strategi berdasarkan prinsip cegah rintang dan pertahanan menyeluruh.

Cegar Rintang bertujuan untuk menghindari bakal musuh dari mengamalkan dasar-dasar yang bertentangan dengan langkah penyelesaian konflik secara aman yang memerlukan pelaksanaan strategi pencegahan disamping usaha-usaha membangunkan sebuah angkatan tentera yang mantap.

Pertahanan

Menyeluruh berkait dengan usaha-usaha yang menyeluruh dan bersepadu yang dilaksanakan oleh kerajaan, agensi bukan kerajaan, sektor swasta dan rakyat jelata dalam mempertahankan negara.

Angkatan Tentera Malaysia sejak penubuhannya telah mencatat sejarah kejayaan yang cukup cemerlang bagi mempertahankan negara dari ancaman dari luar dan dalam negeri. Kejayaan Angkatan Tentera Malaysia menentang komunis, mematahkan konfrantasi Indonesia dan memberi khidmat cemerlang dalam operasi pengaman di bawah panji-panji



TD berpengalaman berkhidmat di Bosnia 1997

mengira kefahaman dan ideologi. Hubungan diplomatik dijalinan dengan China dan juga negara-negara Indochina di samping meningkatkan kerjasama ASEAN.

Malaysia memberi penekanan kepada konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) dan *South East Asia Nuclear Weapon Free Zone* (SEANWFZ).

Tun Hussein Onn, Perdana Menteri ketiga, pula memberi penekanan kepada urusan serantau. Di bawah Tun Hussein, Malaysia telah meneruskan kerjasama ASEAN dan ZOPFAN, dan hubungan dua hala di

ekonomi yang memanfaatkan Malaysia. Kerjasama dalam konteks ASEAN, Kerjasama Selatan-Selatan NAM Komanwel, OIC, D8 dan G15 dipertingkatkan dan Malaysia juga memainkan peranan yang lebih aktif dalam PBB.

DASAR PERTAHANAN NEGARA digubal untuk mempertahankan kepentingan-kepentingan strategik dan keselamatan negara dengan mengariskan tiga asas utama yang menekankan sekitaran kawasan kepentingan strategik negara yang stabil dan aman.



MANTAP...Perdana Menteri mencuba bot tempur



Perdana Menteri bersama Pasukan menembak Negara semasa SUKUM 1998

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mendapat pengiktirafan bukan saja dari rakyat dan Kerajaan Malaysia, malah dari masyarakat antarabangsa. Kejayaan ini tidak mungkin dicapai tanpa pimpinan yang komited, cekal dan berkualiti tinggi khasnya daripada Dato Seri Dr Mahathir sendiri yang mengajar kita agar 'yakin dengari kemampuan kita sendiri'.

Sebagai sebuah negara yang non-aggressive, kita sama sekali tidak percaya kepada penggunaan kekerasan untuk mencapai satu tujuan tertentu. Kerajaan berpegang teguh dengan *diplomacy first before military actions*, kerana 'kejayaan sesuatu negara bukan berasaskan kepada kemampuan mereka dalam bidang ketenteraan, tetapi kemampuan mereka mem-bangunkan negara mereka dan tidak merjejaskan pembangunan negara lain'. Tindakan keten-teraan dan peperangan bukanlah alternatif yang terbaik.

Pandangan Dato Seri Dr Mahathir mengenai peperangan mengautkan lagi kenyataan ini, kerana beliau menyeru agar 'umat manusia berjuang memasti-kan peperangan itu adalah satu tindakan haram dan patut dihapuskan, dan penguatkuasaannya perlu dilakukan oleh pasukan pelbagai negara di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu'. Dato Seri Dr Mahathir menyuarakan pendirian beliau mengenai keagkuhan beberapa negara yang berlagak sebagai Polis Dunia. Beliau berpendapat 'tiada satu negara dibenarkan menjadi polis dunia atau memutuskan apa tindakan yang perlu diambil dan bila'.

Tidak wujud lagi keadilan di dunia ini kerana 'peperangan

yang berlaku hari ini bukan lagi peperangan menentang keganasan, tetapi sebaliknya peperangan untuk menguasai dunia yang berbeza dengan warna kulit dan kepercayaan mereka'. Dan sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, Malaysia 'tidak perlu tunduk dengan kuasa-kuasa besar dan terlalu menghormati mereka sehingga takut untuk bertindak atau mengkritik apa yang dilakukan oleh mereka'.

Keberanian Dato Seri Dr Mahathir untuk mengkritik kuasa-kuasa besar amat terserlah apabila beliau dengan lantang menyuarakan ketidakpuas halinya dengan peranan yang dimainkan oleh PBB dewasa ini. Menurut beliau, PBB harus dirombak dan tidak harus lagi terikat kepada hasil perang dunia yang bertaku lebih setengah abad lalu.



PM bersama pemimpin-pemimpin negara luar

Di dalam Sidang NAM di Kuala Lumpur pada 24 Feb 2003, beliau menyatakan bahawa 'senjata-senjata pemusnah besar-besaran tidak boleh dibenarkan sama sekali dan penyediaan untuk mencipta dan membina

senjata-senjata kon-vensional yang lebih berkuasa ditamatkan segera'.

Perang ialah tindakan primitif dan perang hari ini lebih primitif daripada perang Zaman Batu. 'Sasarannya bukan pejuang dan askar tempur, tetapi orang awam, perempuan, kanak-kanak dan orang tua. Sama ada mereka diserang melalui tindakan keganasan atau ketenteraan, mereka semua adalah mangsa' tegas beliau lagi. Dato Seri Dr Mahathir berpendapat, 'perang akan membunuh ramai manusia lebih-lebih lagi dengan kemunculan senjata-senjata canggih yang dapat membunuh dengan lebih berkesan dan sekarang ada pula pendapat mengatakan senjata nuklear juga

tahun merdeka telah banyak memberi manfaat kepada negara. Di bawah kepimpinan YAB PM, dasar pertahanan yang pragmatik dan seiring dengan dasar pembangunan negara telah menghasilkan sebuah negara Malaysia yang pesat membangun, dihormati serta disegani dunia luar.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun di persada antarabangsa, Malaysia perlu berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai langkah pertahanan terakhirnya. Beberapa prinsip asas yang menjadi aturan bagi hubungan antara negara akan terus menjadi panduan kepada Malaysia dalam hubungannya dengan negara-negara yang lain.



Eks HALLINTAR pada tahun 1994

boleh digunakan'. Kelantangan midbas negara-negara Barat yang menggunakan kekuasaan mereka dengan sewenang-

Di antara prinsip-prinsip yang dimaksudkan termasuklah hormat-menghormati kedaulatan negara masing-masing dan kedaulatan wilayah.

Dato Seri Dr Mahathir begitu yakin bahawa 'prinsip tidak campur tangan mengenai soal dalam sesebuah negara yang lain, penyelesaian yang aman dalam sesuatu pertikaian antara negara, perhubungan dua-hala yang seimbang akan menguntungkan kedua-dua belah pihak. Sesungguhnya dengan pegangan teguh kepada prinsip-prinsip tersebut dan dengan dasar luar negara ini yang konsisten, Dato Seri Dr Mahathir telah berjaya membuktikan kebolehpercayaan terhadap Malaysia di mata dunia, demi keamanan sejagat.

Penyertaan kita di dalam misi-misi pengaman ataupun sebagai Pemerhati di bawah bendera PBB jelas menunjukkan kematangan kita. Malaysia dijadikan sebagai contoh bagi negara membangun yang tidak memihak kepada mana-mana blok tetapi berbaik-baik

wenangnya mencerminkan perwatakan Dato Seri Dr Mahathir yang berjuang untuk negara-negara yang lemah, khasnya golongan Dunia Ketiga.

Amalan dasar pertahanan negara kita setelah hampir 46

dengan semua negara di dunia. Seharusnya kita sentiasa bersedia dan berupaya menangani segala cabaran yang datang.

Amalan dasar-dasar negara yang diterajui oleh Dato Seri Dr Mahathir yang kita pratikkan selama ini telah banyak memberi manfaat kepada negara. Semangat cintakan negara ini harus terus dipupuk agar komitmen terhadap mencapai Wawasan 2020 tidak luntur. Dalam hal ini, hakikat yang harus kita terima adalah dasar luar yang pragmatik dan berlandaskan keperluan serta kepentingan negara telah dan akan terus menghasilkan sebuah negara Malaysia yang pesat membangun, dihormati serta disegani dunia luar. Hari ini, kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju dunia. Bebas dan bermaruah, kita berperanan, bertanggungjawab serta dipandang tinggi oleh masyarakat dunia.

Semua negara di dunia mempraktikkan premis kepentingan dan keperluan nasional adalah pertimbangan yang paling utama dalam usaha menggubal dasar atau pun penah hubungannya dengan negara lain. Bagi Malaysia, usaha serta langkah yang diambil harus berpandukan objektif menjamin keselamatan dan kemakmuran negara serta menentukan keamanan di rantau Asia Tenggara terus berkekalan.

Dasar pertahanan negara yang digubal memberi satu tumpuan utama sahaja; agar rakyat hidup di dalam sebuah negara yang maju, aman serta makmur. Kita tidak boleh wujud secara berasingan atau bersendirian. Kita adalah sebahagian dari rantau dan dunia yang luas. Kesejahteraan kita baik dari segi politik, ekonomi atau apa jua bidang sekalipun adalah tanggungjawab kita sendiri. Justeru, amat malang sekiranya kita membiarkan hala tuju negara ditetapkan oleh pihak asing.

Kita harus berupaya menangani isu-isu yang timbul dan meminimalkan pendedahan kepada ketidakstabilan dan ketidakpastian dunia. Dasar pertahanan negara yang pro-aktif dan berwawasan adalah mustahak untuk menjamin kepentingan dan keadulatan negara, dan juga bagi kesinambungan generasi akan datang yang perlu di dalam sebuah negara yang aman dan

damai.

Pemodenan TD

Usaha pemodenan TD bermula sejak awal tahun 80an di bawah Rancangan Perencanaan Angkatan Tentera. Rancangan ini dilancarkan dengan segera bagi menyahut

negara. Kita adalah sebahagian daripada rantau yang luas. Sesuatu yang berlaku di negara lain boleh mengganggu kesejahteraan kita, baik dari segi politik atau ekonomi.

Suasana harmonis di seluruh Wilayah Asia Tenggara perlu dipupuk dan dibina bagi meningkatkan kepercayaan dan

dalam ucapan DSA 1990. Dato Seri Dr Mahathir berkata 'sejak tahun 1948, peratusan yang diperuntukkan melalui belanjawan negara adalah agak besar untuk membolehkan kita menentang kegiatan-kegiatan bawah tanah PKKM/PKKU. Keperluan pertahanan kita di masa lampau adalah untuk membenteraskan insurgensi komunis'. Semua inisiatif berubah.

Perang melawan insurgensi tidak memerlukan persenjataan yang canggih atau mahal. Keperluan utama adalah kemahiran di dalam taktik peperangan melawan gerila. Selama tempoh 'darurat' ini, anggota tentera Malaysia telah memperolehi kemahiran yang tinggi di dalam peperangan bentuk ini. Dato Seri Dr Mahathir juga berbangga kerana kita adalah antara yang terbaik, kerana tidak ada negara yang telah berjaya mengalahkan gerila-gerila fahaman komunis seperti yang dilakukan oleh Malaysia, khususnya pasukan keselamatannya.

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa Dato Seri Dr Mahathir adalah seorang pemikir dan revolusioner. Di bawah pentadbirannya, negara dan Angkatan Tentera Malaysia telah melalui satu proses transformasi yang tidak pernah digambarkan sebelum ini. Hasrat yang dijelaskan melalui visi Wawasan 2020 beliau bermatlamatkan ke arah pembentukan sebuah negara yang benar-benar maju dalam segala bidang secara seimbang meliputi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan



SAKSI...YAB PM menyaksikan upacara merandatangani MoU — 2003

perkembangan politik sama ada di dalam mahupun di luar negara. Hasil daripada rancangan tersebut beberapa batalion infantri telah diubahsuai untuk dijadikan batalion khusus seperti batalion mekanis, paracut dan bantuan.

Pemodenan ini adalah semata-mata untuk menjadikan TD sebagai sebuah angkatan yang kredibel, mempunyai ciri-ciri daya tahan, daya gerak, daya tempur dan daya gerun. Ciri-ciri ini sangat perlu kepada angkatan darat bagi menyokong formula Strategi Ketenteraan Kebangsaan (*National Military Strategy*). Proses pemodenan ini juga mengurangkan penglibatan TD dalam Perang Melawan Insurgensi dan menumpukan kepada persediaan Perang Konvensional.

Adalah menjadi dasar Kerajaan supaya ATM kita dipermodenkan dan dilengkapi dengan peralatan yang baru supaya ia mempunyai daya *deterrent* kepada mana-mana pihak yang mengancam negara. Selain daripada itu kerjasama rapat dengan negara-negara jiran dalam semua bidang adalah kritikal bagi menjamin keselamatan negara. Di dalam konteks ini Dato Seri Dr Mahathir berpendapat 'kita tidak boleh wujud secara terasing dan bersendirian sebagai sebuah

keyakinan antara satu sama lain. Kadang-kala ini bukan begitu senang dicapai oleh kerana negara-negara di rantau ini masih mempunyai kepentingan nasional masing-masing.

Tidak keterlaluan dinyatakan bahawa di atas dasar kesederhanaan, persediaan pertahanan perlu bagi memastikan kestabilan dan pembangunan ekonomi dan sosial. Malaysia bukanlah sebuah negara yang agresif dan kita tidak mempunyai sebarang tuntutan wilayah. Kita mengakui bahawa



Lawatan ke Woksyp Pusat AT di Sungai Buluh 1982

adalah perlu untuk kita mempertahankan perairan dan wilayah kita dengan apa jua kekuatan dan keupayaan yang kita ada. Di

kebudayaan. Oleh demikian keselamatan dan pembangunan jelas perlu seiring.

Yakin dengan kemam



Meneliti kelengkapan pesawat pejuang 1987

puan diri sendiri merupakan tunggak utama di dalam merealisasikan wawasan ini. Di atas dorongan Dato Seri Dr Mahathir, kita diajar agar yakin dengan kemampuan kita sendiri dan tidak menganggap segala yang datang dari Barat atau negara lain adalah nilai kemajuan yang wajar ditauladani, dan kita tidak perlu tunduk kepada kuasa-kuasa besar dan terlalu menghormati mereka sehingga takut untuk bertindak atau mengkritik mereka. Keyakinan kepada kemampuan diri sendiri serta kepimpinan Dato Seri Dr Mahathir menyaksikan ATM dibangunkan dengan pesat, selaras dengan Dasar Pertahanan Negara. Walaupun secara dasarnya Dato Seri Dr Mahathir pernah berkata bahawa 'kejayaan sesuatu negara bukan berasaskan kepada kemampuan mereka di dalam bidang ketenteraan tetapi sebuah angkatan bersenjata yang mantap adalah perlu bagi menjamin kedaulatan dan keamanan negara tidak dicemari oleh mana-mana pihak.

Dengan demikian, mulai 2002 Angkatan Tentera Malaysia, khususnya TD memperoleh *dunia runtuh* apabila kerajaan menyambung semula program utama pemodenan pertahanan dengan perolehan beberapa kelengkapan dan persenjataan canggih setelah tertangguh berikutan krisis kewangan pada 1997. TD kini dibekalkan dengan Sistem Lancar Roket Berganda pelbagai guna (MLRS) dari Brazil yang merupakan antara yang terunggul di dunia. Ini diikuti dengan keputusan untuk membeli empat buah kapal selam bagi memantapkan pertahanan maritim. Selak ini, kapal selam dari firma DCN Perancis

mendahului senarai pilihan setelah melalui proses penilaian TLDM dan keputusan mengenai ini akan dimuktamadkan tahun ini.

Dato Seri Dr Mahathir juga mengumumkan rancangan kerajaan untuk membeli pesawat pejuang Su-30MK dari Rusia dan kereta kebal tempur utama (MBT) PT-91 dari Poland semasa mengadakan lawatan ke kedua-dua negara berkenaan, selain dari perjanjian pembelian dengan kontrak lebih RM2 bilion sistem JERNAS iaitu sistem peluru berpandu pertahanan udara jarak dekat paling canggih bernilai lebih RM1.188 bilion. Perkembangan rancangan perolehan tersebut sudah menghampiri kepada matlamat 'angkatan impian' bagi ATM. Jelas sekali pemerolehan beberapa kelengkapan ini oleh kerajaan di bawah kepimpinan YAB PM itu bukan sesuatu yang mengejutkan kerana ia lebih kepada meneruskan peran-



Dato Seri Dr Mahathir merasmikan DSA 2001

cangan dan komitmen kerajaan sebelum ini dan atas dasar kepentingan pertahanan negara.

Era pasca Perang Dingin dan isu-isu keselamatan yang tidak pernah lenyap memerlukan kita mengkaji dasar dan membuat onentasi baru kepada keperluan pemodenan pertahanan masing-masing. Isu-isu seperti tuntutan bertindih khususnya di Kepulauan Spratly dan hubungan bilateral yang tegang serta sentiasa pasang-surut terus menghantui rantau ini biar pun dinaungi semangat muafakat ASEAN dan Forum Kerjasama Serantau (ARF) khusus bagi keselamatan.

Pandangan ini memaksa kita khususnya ATM agar bersedia sentiasa, mempertahankan hak dan kedaulatan kita. Pembelian beberapa kelengkapan terbaru untuk ATM akan memberi dimensi baru kepada pertahanan negara supaya Malaysia tidak boleh



TERKINI...Dato Seri Dr Mahathir diberi penerangan mengenai senjata dan peralatan terkini keluaran dari negara Rusia — 2003

diambil mudah oleh sesiapa sahaja yang bermuslihat jahat. Salah satu usaha yang telah

beberapa pasukan khas. Sebagai contoh konsep pertahanan hadapan memerlukan negara memiliki sebuah angkatan yang mudah digerak, pantas bertindak serta berupaya untuk menangkis ancaman awal musuh.

Justeru itu, untuk mencapai hasrat tersebut Tentera Darat telah mengorak langkah untuk menubuhkan sebuah pasukan payung terjun yang memiliki ciri-ciri seumpama itu. Sebagai permulaan, pada tahun 1988 sebuah batalion payung terjun telah ditubuhkan dengan mengubah suai Batalion Kelapan Rejimen Renjer Diraja. Berikut kejayaan penubuhan tersebut, maka Tentera Darat terus mengorak langkah ke arah penubuhan sebuah briged para pua yang boleh dikerah ke mana sahaja melalui operasi dari udara

untuk mempertahankan kedaulatan negara atau menyerang musuh yang berada di luar.

Batalion Ke-17 Rejimen Askar Melayu Diraja kemudiannya diubah suai menjadi pasukan para pada tahun 1990 diikuti oleh Batalion Kesembilan Rejimen Askar Melayu Diraja, tiga tahun kemudian. Pengubahsuaian ketiga-tiga batalion ini sekali gus telah berjaya meningkatkan kemampuan Tentera Darat dalam melaksanakan operasi bercorak *vertical envelopment* atau *vertical deployment* Selain itu, peningkatan keupayaan tersebut telah berjaya memperluas peranan Tentera Darat ke peringkat misi strategik bagi menyokong dasar pertahanan nasional yang berkonsepkan kepada pertahanan hadapan.

Dari situ, akhirnya pada 10 Oktober 1994, lahiriah pasukan 10 Briged Para yang sebelum itu dikenali sebagai 10 Briged

Infantri. Pengumuman rasmi pengoperasian pasukan itu telah dilakukan oleh Dato Seri Dr Mahathir sendiri di Pulau Langkawi. Perisytiharan itu menjadikan 10 Briged Para yang menaungi 14 unit Terenta Darat termasuk tiga batalion infantri menjadi komponen darat dalam Pasukan Aturgerak Cepat (PAC) seterusnya menjadi pasukan elit kebanggaan negara.

Selain dari meningkatkan usaha membangunkan ATM, Dato Seri Dr Mahathir ternyata amat prihatin dengan pengorbanan dan kebajikan para anggota tentera. Jasa dan pengorbanan anggota tentera mempertahankan tanah air tidak pernah dilupakan oleh kerajaan dan rakyat.

Keamanan yang dikecapi oleh negara selama ini membuktikan kesetiaan mereka kepada negara dan kerajaan yang memimpin dan semangat ini akan sentiasa dipegang oleh mereka. Pernah di dalam akhbar wawancara akhbar Utusan Malaysia pada 16 Julai 82, YAB PM berasa gembira kerana 'ada rakyat sanggup pikul senjata untuk negara'.

Menurut beliau lagi, 'negara tidak akan kekal selama-lamanya jika tidak ada segolongan rakyat yang sanggup berkorban dengan memikul senjata dalam tentera'. Semangat berani dan dedikasi yang ada pada setiap anggota tentera merupakan pengorbanan yang amat dibanggakan oleh negara dan rakyat.

Industri Pertahanan Negara

Setiap negara yang berdaulat dan merdeka sudah tentu akan mempunyai Industri Pertahanannya sendiri, ini tidak terkecuali negara kita Malaysia.

Industri pertahanan bukan sahaja untuk mengeluarkan peralatan ketenteraan untuk membina dan menambahkan kekuatan tempur sesuatu angkatan tentera bahkan bagi negara yang tidak berkemampuan untuk mengeluarkan peralatan sendiri, industri pertahanan mereka lebih tertumpu kepada 'maintenance, repair and overhaul (MRO)'.
Begitulah bermulanya sejarah Industri Pertahanan Negara pada awal penubuhan iaitu untuk penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih semua peralatan ketenteraan yang dibeli yang pada mulanya dilakukan oleh syarikat-syarikat dari luar negara.

Ini telah mengakibatkan bertambahnya pengaliran keluar dana negara yang sangat merugikan. Kerajaan kemudiannya mula menggalakkan penubuhan syarikat-syarikat untuk mula mengeluarkan peralatan pertahanan untuk kegunaan Angkatan Tentera Malaysia yang pada asalnya adalah hasil daripada pemindahan teknologi dari syarikat-syarikat luar negara. Seterusnya kejayaan yang dicapai, kepakaran yang dihasikan serta harga yang setanding, keluaran syarikat-syarikat Malaysia telah mula mendapat tempahan dari negara serantau.

Dengan perkembangan tersebut maka semakin banyak tumbuh syarikat-syarikat lain yang berebut-rebut untuk mencari peluang dalam industri pertahanan negara.

Majlis Perindustrian Pertahanan Malaysia

Melihatkan keyakinan dan kejayaan beberapa syarikat yang telah mula berkembang pesat serta banyak pula syarikat-



BERSEMANGAT...Mendengar taklimat Pengerusi SME AEROSPACE Tan Sri Ahmad Johan — 2003

syarikat lain yang tumbuh dengan banyak untuk melibatkan diri dalam industri pertahanan di mana banyak dari syarikat tidak dapat beroperasi dengan lancar dan akhirnya berkeubur, maka Perdana Menteri, YAB Dato Seri Dr Mahathir Mohamad telah menarakan sebuah majlis untuk menentukan pembangunan industri pertahanan tempatan dilaksanakan dengan teratur. Maka pada bulan Ogos 1999 ditubuhkan Majlis Industri Pertahanan Malaysia yang dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan.

Ahli-ahli Majlis terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Pertahanan, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Dalam Negeri, *Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT)* dan syarikat-syarikat swasta terutama industri pertahanan tempatan.

Objektif

- * Untuk memberi panduan dalam menentukan pembangunan industri pertahanan tempatan yang tersusun dengan mengambil kira objektif Kementerian Pertahanan dan juga negara secara keseluruhannya.
- * Untuk membincangkan masalah bersama yang dihadapi oleh syarikat-syarikat industri pertahanan.
- * Untuk menubuhkan satu pertubuhan syarikat-syarikat yang berasaskan industri pertahanan di Malaysia.

Fungsi

- * Membantu dalam usaha mempromosi produk dan perkhidmatan keluaran syarikat industri pertahanan tempatan.
- * Menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan program *offset* dan pemindahan teknologi kepada syarikat-syarikat tempatan.
- * Menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan peluang bagi pasaran luar negeri serta membantu dalam usaha untuk meneroka pasaran tersebut.
- * Membantu dan menyelaras penyertaan syarikat-syarikat tempatan di dalam pameran-pameran luar negeri dan aktiviti-aktiviti pemasaran dan promosi yang berkaitan.
- * Untuk menjadi pusat setempat dalam pertukaran maklumat dan menganjurkan seminar-seminar yang berkaitan dengan isu-isu industri pertahanan.
- * Membentuk hubungan kerjasama dengan agensi-agensi industri pertahanan luar negeri yang bersesuaian.

Dengan tertubuhnya, Majlis Industri Pertahanan Malaysia (MIPM) maka kini semua aktiviti bagi menyemarakkan industri pertahanan dalam negeri telah dapat dilaksanakan dengan teratur. Sejak ditubuhkan MIPM telah terlibat dalam menyelenggarakan pameran-pameran bersiri *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA) dan Defence Services Asia Exhibition and Conference (DSA)*. Dato Seri Dr Mahathir merupakan pengasas dan teraju utama di atas kejayaan Malaysia menganjurkan LIMA dua tahun sekali sejak 1991 dan DSA, juga dua tahun sekali sejak tahun 1988.

Kini banyak syarikat dalam



KEMEGAHAN...EX HALILINTAR penubuhan 10 Bgd Para — 1994

negeri turut terlibat dan mengambil bahagian dalam LIMA dan DSA serta telah berjaya memperoleh beberapa tempahan peralatan dari negara-negara luar. Sesungguhnya pameran-pameran LIMA dan DSA telah turut menjana kemajuan dan perkembangan industri pertahanan negara. Kini antara syarikat-syarikat industri pertahanan yang boleh dianggap gergasi dan maju dalam negara ialah seperti berikut:

- * Hong Leong - Lurssen Shipyard
- * AIROD (M) Sdn Bhd
- * DRB-HICOM Defence Technologies Sdn Bhd (DEFTECH)
- * PSC-Naval Dockyard
- * PESAKA ASTANA



TERKINI...Meneiti penerang pengubahsuaian C130 oleh AIROD (M) Sdn Bhd — 2003

- * MMC Defence Sdn Bhd
- * SAPURA Technologies Sdn Bhd
- * SME Ordnance Sdn Bhd (SMED)
- * Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM)

Hong Leong-Lurssen Shipyard

Pada penghujung tahun 60an Kerajaan Malaysia menyedari keperluan untuk mewujudkan sebuah limbungan kapal bagi melaksanakan MRO ke atas semua kapal yang digunakan oleh jabatan-jabatan awam dan tentera.

Visi kerajaan itu akhirnya telah melahirkan penubuhan dan peribangan industri pembinaan kapal negara kita. Pada tahun 1969 Syarikat Hong Leong-Lurssen Shipyard telah ditubuhkan bagi menahyut visi

kerajaan itu. Kini syarikat yang merupakan perkongsian antara Pemodal Nasional Berhad milik kerajaan, Hong Leong Group of Malaysia dan Fr Lurssen Werft of Germany telah mengeluarkan 265 kapal berbagai jenis dari 'armour plated riverine craft' hingga 'sophisticated hydrographic as well as research vessel'.

Kebanyakan pelanggan syarikat adalah badan kerajaan termasuk Tentera Laut Diraja Malaysia. Kehandalan dan kepakaran Hong Leong-Lurssen dalam pembinaan kapal telah mendapat reputasi yang baik dan kini telah mula mendapat tempahan dari negara luar. Untuk Royal Cambodian Navy syarikat telah membina dua buah 21m Patrol Craft yang mempunyai kelajuan

32 knot untuk kawalan pantai. Kerajaan Bangladesh telah menerima sebuah 38.5m *Fast Patrol Craft* 'Ruposhi' Bangla untuk kegunaan Bangladesh Coast Guards.

Dalam negara pula Hong Leong-Lurssen telah membina 67.8m *Hydrographic Survey Vessel*, K.D. Perantau dan K.D. Mutiara pada tahun 1979 untuk TLDM.

Yang terbaru, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia telah menerima sebuah 'buoy tender vessel' M.V. Pemancar bagi menambah jumlah kapal yang ditugaskan untuk meletak buoys. Selepas 30 tahun Syarikat Perkapalan Hong Leong-Lurssen telah menempa reputasi yang baik dan merupakan sebuah limbungan kapal yang utama di rantau ini.

AIROD (M) Sdn Bhd

AIROD merupakan syarikat kerajaan yang pertama diswasatikan dan kini telah berkembang pesat menjadi teraju utama dalam industri aeroangkasa di Malaysia.

Aktiviti utama semasa penubuhannya ialah untuk melaksanakan MRO untuk semua pesawat kepunyaan TUDM secara berkala. Kini AIROD telah mula dikenali di serata dunia dan telah menerima banyak kontrak baru daripada luar negara untuk melaksanakan MRO bagi pesawat-pesawat negara tersebut sama ada awam ataupun tentera. Tentera Udara Yemeni (YAF) telah menghantar enjin pesawat T-56 dan J-85 untuk MOR dan juga telah membuat tempahan pemasangan alat 'Weather Radar' untuk pesawat C-130 YAF.

Syarikat Penerbangan negara Papua New Guinea, Air Niugini telah membawa 30 pesawat F-28 untuk MRO di AIROD. Kerajaan Malaysia juga telah memilih AIROD untuk melaksanakan 'stretch modification' ke atas dua pesawat C-130H bersama syarikat Lockheed Martin Aero yang akan menambahkan muatan kargo sebanyak 33 peratus. Dua lagi pesawat C-130H milik TUDM juga akan diubahsuai oleh AIROD sebagai 'aerial tankers'.

DRB-HICOM Defence Technology Sdn Bhd (DEFTECH)

DEFTECH merupakan sebuah syarikat pembuatan dan pemasangan kenderaan darat dan integrator system pertahanan yang utama di Malaysia. Kini DEFTECH adalah syarikat industri



pertahanan yang terbesar dalam pengeluaran kenderaan berperisai, trak dan kenderaan penarik untuk ATM dan Tentera Darat khususnya. Pada 2 Feb 2001 YB Menteri Pertahanan Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak telah menerima sebanyak 409 kenderaan tentera untuk ATM. Penyerahan trak 3 Ton 4x4 HICOM HANDALAN telah dilaksanakan di kilang pemasangan DEFTECH di Pekan Pahang. Kementerian Pertahanan telah memutuskan bahawa DEFTECH telah dipilih sebagai pembekal utama kenderaan untuk Tentera Darat. Kini DEFTECH membekalkan kepada TD kenderaan-kenderaan antara lain seperti berikut:

- * HICOM Supacat 6x6 All Terrain Mobile Platform
 - * G Wagon Mounted with 106mm RCL
 - * G Wagon Weapon Carrier for 12.7mm HMG and 40 AGL
 - * Truck 6 Ton 4x4 Light Recovery Vehicle.
- Paling terbaru, DEFTECH sedang dalam proses pembekalan kenderaan perisai ACV 300 ADNAN iaitu projek kerjasama antara DEFTECH dengan FNSS Defence Systems dari Turki yang melibatkan pembekalan 211 unit ADNAN kepada TD. Pembekalan mengandungi dua pakej, iaitu; pakej pertama sebanyak 146 unit dipasang siap di Turki yang melibatkan 15 peratus pangsangannya di kilang DEFTECH, manakala sebanyak 65 unit lagi dipasang sepenuhnya di DEFTECH.

DEFTECH komited dalam memajukan industri pertahanan negara dan telah membuat pelbagai rancangan bagi melengkapkan kilang pengeluaran kenderaan tentera, antaranya pembinaan trak ujian khas kenderaan



ACV 300 ADNAN—DEFTECH & FNSS DEFENCE SYSTEMS (Turki)

ketenteraan yang menelan belanja RM10 juta. Bagi projek pengeluaran ACV300 ADNAN, DEFTECH telah memperuntukkan RM47 juta yang melibatkan pembelian tanah, pembinaan bangunan dan kelengkapan. Seramai 30 daripada 106 kaki tangan DEFTECH telah menjalani latihan teknikal di Turki sebelum memulakan kerja-kerja pemasangan ACV300 ADNAN. Tarikh: 9 April 2002 merupakan satu tarikh yang bersejarah bagi keluarga alahyarham Lt Adnan Saidi yang terkorban setelah berjuang dengan gagah berani ketika menentang Jepun di Singapura pada Perang Dunia Kedua, kerana pada tarikh tersebut YB Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak, Menteri Pertahanan Malaysia telah mengisytiharkan kenderaan perisai ACV300 sebagai "ADNAN".

PSC- Naval Dockyard Sdn Bhd (PSC - NDSB)

PSC - NDSB antara syarikat yang utama dalam pembinaan dan pembaikan kapal laut di Malaysia. Peminanaan Limbungan Kapal TLDM di Lumut siap pada tahun 1984 dan telah dikorporatkan pada tahun 1991 menjadi Naval Dockyard Sdn Bhd. Pada tahun 1995 NDSB telah

diswastakan kepada sebuah konsortium yang di terajui oleh *Penang Shipbuilding & Construction* dan telah ditukar namanya kepada PSC- Naval Dockyard Sdn Bhd CPSC-NDSB). Teras utama kegiatan PSC- NDSB ialah pembinaan, pembaikan, *over-haul, refurbishment* dan peningkatan kapal laut terutama daripada TLDM dan kapal laut tentera asing.

Pada tahun 1998 PSC - NDSB telah menandatangani perjanjian dengan kerajaan Malaysia untuk reka bentuk pembinaan dan penyerahan enam buah *Offshore Patrol Vessels (OPV)* kepada TLDM. PSC-NDSB juga telah berkerjasama dengan sebuah syarikat dari Belanda, RDM Submarines of Rotterdam untuk *refurbish* dan peningkatan dua buah kapal selam untuk kegunaan latihan. Pada tahun 2001 PSC-NDSB telah menyerahkan dua buah *Fast Troop Vessels (FTVs)* yang direka bentuk dan dibina di Lumut kepada TLDM.

Pesaka Astana (M) Sdn Bhd

Sebuah syarikat milik Bumiputra sepenuhnya bermula pada tahun 1992 telah menempa nama sebagai pembuat kenderaan fungsi khas untuk pasaran dalam dan luar negara.

Pesaka

Astana telah menyerahkan kepada KEMENTERIH pelbagai jenis kenderaan fungsi khas yang direka-bentuk untuk memenuhi keperluan taktikal Tentera Darat Malaysia. Antara kenderaan yang telah diserahkan kepada TD ialah:

- * 15 Ton 6x6 DROPS (*Demountable Rack Off Loading Pick-up Systems*) truck.
- * Prime Mover Low Loader
- * 15 Ton 6x6 Tank Transporter
- * 7 Ton 6x6 Gun Tower
- * 7 Ton 6x6 Radar Tower
- * 7 Ton 6x6 Water Bowser
- * 7 Ton 6x6 Bulk Refueller

Sebagai sebuah syarikat pengeluar kenderaan persendirian Pesaka Astana telah menamakan semua kenderaannya "AMDAC", satu nama yang bertemakan Malaysia

MMC Engineering Group Berhad (MMCEG)

Syankat ini merupakan antara syankat tempatan yang mula-mula terlibat dalam industri pertahanan sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1987. Kini MMCEG telah berkembang untuk terlibat dengan lebih giat dalam industri pertahanan dengan penubuhan MMC Defence Sdn Bhd yang bertempat di kilang MMCEG di Nilai, Negeri Sembilan. MMC Defence kini berupaya untuk melaksanakan semua tugas *overhaul, upgrading* dan *conversion* ke atas semua jenis kenderaan perisai termasuk pemasangan *Main Battle Tanks (MBTs)*. Antara projek yang telah dan sedang dilaksanakan ialah *major overhaul* 90 buah kenderaan Condor APC yang dijangka selesai pada tahun 2004.

MMC Defence juga sedia untuk melaksanakan *major overhaul, upgrading* dan *conversion work* ke atas *Scorpion*



KENDERAAN TD... (kiri) ALL Terrain Crane 6x6, (kanan) 10 Ton Ammo Carrier 6x6—Pesaka Astana



Mendengar taklimat industri perkapalan daripada Tan Sri Halim

tanks dan *Stormer A PC*. Kerja-kerja perubahan ke atas *Stormer* melibatkan *engineering design work* yang dikendalikan dalam negara oleh Tim Reka-bentuk yang ditubuhkan pada tahun 2000 untuk menambahkan penglibatan tempatan dalam industri pertahanan negara. MMCEG kini sedang menambah bilangan pekerja untuk menampung beban kerja yang dijangka bertambah.

Seperti kelaziman MMCEG memberi keutamaan kepada bekas-bekas tentera yang layak.

Sapura

Sebuah syarikat tempatan yang berasaskan teknologi, yang telah beroperasi sejak 25 tahun yang lalu, kini telah mempunyai pejabat di Singapura, Thailand, Pakistan, China, Filipina, Sri



WENJUL...simulator CN 235-220 Operational Flight Trainer—SAPURA

Langka, Brunei dan Amerika Syarikat. Anak syarikat Sapura yang terlibat dengan industri pertahanan ialah Sapura Technologies Sdn Bhd yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi informasi dan komunikasi yang tertumpu kepada perkara berikut:

- * Keselamatan maklumat dan komunikasi.
- * Simulator dan latihan berasaskan komputer.
- * Peperangan elektronik & elektronik maritim.
- * Radar dan pengurusan trafik udara.
- * Kontraktor bantuan logistik.

dipamerkan di LIMA 2003 yang akan datang.

SME Aerospace Sdn Bhd (SMEA)

SMEA anak syarikat milik sepenuhnya Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd (AIM) yang ditubuhkan pada tahun 1992 untuk mengeluarkan peralatan *aerospace*, komponen dan *assemblies* dengan bantuan kerjasama teknikal BAe Systems. Pengeluaran ulung dalam program offset ialah Hawk *aircraft pylons* untuk syarikat BAe Systems. Kini SMEA telah melangkah jauh dan telah



Melawat pameran Helikopter Tempur LIMA 2003

Sapura telah bekerjasama dengan Indonesia Aerospace (IAe) untuk mereka-bentuk, integrasi dan pengujian Simulator CN235-220 *Operational Flight Trainer (OFT)*. Kerjasama Sapura dengan Oasis System, USA dan Dalian Maritime University (DMU) dari negeri Cina melibatkan *Full-Mission Ship Bridge Handling Simulator (FMSBHS)*. Kedua-dua simulator tersebut telah dipamerkan di DSA 2001, DSA 2002 dan juga dijangka akan

mengeluarkan lebih dari 300 Hawk *aircraft pylons*, Hawk *fuselage part and assemblies*, alat ganti Airbus A300 dan A319/320/321, *wing leading edges* dan *carriage assemblies* untuk BAe Systems Regional Jet (RJ), alat ganti pesawat Nimrod dan alat ganti enjin turbine untuk Parker Aerospace. SMEA, kini menjadi teraju utama dalam pengeluaran peralatan aerospace di Malaysia.

SME Ordnance Sdn Bhd (SMEO)

Pada asalnya dikenali sebagai Syarikat Malaysia Explosive Sdn Bhd. Pada tahun 1993



LASAK...kendaraan angkut Truck 3 Ton 4x4 Handalan dan Weapon Platform (ATGM-MR) — DEFTech

Negara Malaysia

telah menukar nama kepada SMEO untuk memberikan gambaran yang lebih jelas ke atas perkembangan pengeluaran peralatan pertahanan. Aktiviti utama SMEO ialah pengeluaran SME-*Steyr AUG Ai Rifle, Tactical Machine Pistol dan Steyr Gun Pistol*.

Dalam pengeluaran peluru pula, SMEO telah berkembang dari pengeluaran peluru kaliber kecil dan kini telah berupaya mengeluarkan peluru berbagai kaliber serta berbagai jenis *pyrotechnics*. Antara keluaran SMEO ialah peluru kaliber kecil 5, 56mm, 7.62mm, 9mm, 12.7mm, 20mm dan 30mm, peralatan *pyrotechnics* termasuk *grened asap berwarna, semua jenis flare rocket, hand grenade* letupan kuat, *shotgun cartridges 12 gauge* dan peluru berkaliber besar seperti 35mm, 40mm dan 106mm.

SMEA juga kini turut mengeluarkan peralatan kecil untuk operasi dan latihan seperti *mess tin* dan *water bottles*. Pengeluaran tersebut juga adalah sebagai menyahut seruan kerajaan supaya negara kita tidak lagi terus membeli peralatan kecil dari luar negara dan mengalakkan industri pertahanan dalam negara sendiri.

Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM)

Malaysia tidak ketinggalan dalam teknologi *Unmanned Aerial Vehicles (UAVs)* dan CTRM merupakan syarikat tempatan yang mengeluarkan UAVs

pertama Malaysia iaitu EAGLE ARV yang dikeluarkan dengan kerjasama antara CTRM, Excelnet Sdn Bhd dan BAE Systems. Kapal terbang yang pertama telah dipasangi di kilang CTRM di Batu Berendam, MELAKA dan telah dipertontonkan semasa Pertunjukan LIMA 01.

Setiap sistem pengawasan Eagle ARV mengandungi tiga kapal terbang, stesyen bumi dan radar di mana 60 peratus perisian hardware dibuat dalam negara. Di samping pengeluaran Eagle ARV, CTRM kini turut mengeluarkan pesawat dua tempat duduk Eagle 150 dan pesawat prestasi tinggi empat tempat duduk Lancair Columbia 300, kedua-dua kapal terbang tersebut kebanyakannya dijual di Amerika Syarikat.

Penutup

Pewujudan Industri Pertahanan Negara yang kian berkembang dijangka telah menjimatkan pengaliran keluar wang negara berjumlah berbilion ringgit dalam memenuhi keperluan MRO sahaja, tidak termasuk dana yang diperlukan untuk perolehan peralatan kapital lain yang kini juga sudah banyak dikeluarkan oleh syarikat-syarikat dalam negara. Industri Pertahanan Negara juga telah mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak untuk semua peringkat dari pekerja biasa hingga kepada lepasan pusat pengajian tinggi. Sebagai sebuah negara yang pesat membangun, negara kita Malaysia memerlukan Industri

Pertahanan yang cepat berkembang, yang juga merupakan satu status simbol sebuah negara yang maju. Penglibatan syarikat-syarikat dari luar negara dalam perkongsian dengan syarikat-syarikat dalam negara telah turut memajukan lagi industri pertahanan dan tidak musykil jika suatu hari nanti negara kita menjadi sebuah negara pengeluar industri pertahanan untuk dieksport ke seluruh dunia.

Memiliki industri pertahanan yang dapat memenuhi keperluan negara serta dapat menembusi pasaran luar adalah sejajar dengan inspirasi Perdana Menteri YAB Dato Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempunyai visi untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara maju menjelang tahun 2020. YAB PM telah menunjukkan pandangan jauhnya apabila menyarankan supaya Malaysia turut mengadakan pameran dan pertunjukan peralatan pertahanan seperti DSA dan LIMA, serta pewujudan Majlis Industri Pertahanan Negara. Dalam mempertahankan keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, memiliki industri pertahanan yang mantap adalah satu kriteria yang wajib. Kita tidak perlu lagi bergantung sepenuhnya kepada pengeluar peralatan pertahanan dari luar negara, yang ada ketikanya tidak boleh diharapkan sepenuhnya, seperti yang pernah berlaku kepada negara jiran.

Perkongsian pintar antara syarikat dalam dan luar negara, pemindahan teknologi yang kini

menjadi keperluan utama dalam semua perjanjian perolehan peralatan dengan pengeluar dari luar negara, telah menjadikan Malaysia antara pusat perdagangan industri pertahanan yang utama di rantau ini. Visi dan inspirasi Dato Seri Dr Mahathir kini telah hampir menjadi kenyataan dan Malaysia bukanlah untuk mengadakan satu perlumbaan persenjataan tetapi telah mempunyai system persenjataan yang berupaya menjadi satu *deterrence*.

Perkembangan industri pertahanan negara kini berupaya menentukan negara kita terus kekal aman, damai dan makmur, serta tidak akan mudah diganggu-gugat oleh mana-mana negara sekalipun. Kemajuan yang pesat, kemakmuran yang dikecapi akan terus membakar semangat semua anggota keselamatan untuk berkorban demi negara, bangsa dan agama.

"Kemakmuran yang dikecapi akan terus membakar semangat semua anggota keselamatan untuk berkorban demi negara, bangsa dan agama"



EAGLE buatan negara-CTRM